



'Jurutera tempatan perlu pelajari teknologi selenggara perkhidmatan pengangkutan awam'

Oleh Azhar Shahrulnizam
Disember 13, 2022 @ 6:08pm

KUALA LUMPUR: Pakar kejuruteraan tempatan perlu bekerjasama dengan syarikat pembekal teknologi perkhidmatan pengangkutan awam bagi memastikan kerosakan yang mungkin berlaku terhadap kemudahan itu kelak, dapat diperbaiki segera untuk kegunaan orang ramai.

Ini kerana, kerajaan sebelum ini dilihat hanya membeli teknologi seperti gerabak perkhidmatan Transit Aliran Ringan (LRT), tetapi tidak mempelajari kepakaran untuk menyelenggara dan membaik pulih sekiranya berlaku kerosakan.

Ketua Pusat Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Law Teik Hua, berkata sepatutnya pada awal proses pembuatan LRT, Malaysia sudah menubuhkan satu pasukan khas untuk bekerjasama menyiapkan gerabak ini supaya jika ada masalah pada masa depan, ia boleh diselesaikan dengan cepat tanpa membabitkan banyak perbelanjaan

"Negara sudah melabur wang untuk membeli teknologi, tetapi kita tidak membuat pemindahan teknologi. Apabila ada kerosakan, kita tidak mampu membaikinya.

"Apabila kita beli LRT dan Perkhidmatan Transit Aliran Massa (MRT) pengangkutan awam daripada luar negara, kita hanya pentingkan apa yang kita dapat.

"Ia diibaratkan seperti kita beli kereta dari Jepun, apabila rosak kita terpaksa hantar semula ke Jepun untuk membaikinya disebabkan di Malaysia tiada teknologi itu. Contohnya, kejadian LRT rosak pada bulan lalu, kita tidak mampu membaikinya hingga terpaksa menggunakan khidmat pakar dari Kanada," katanya kepada BH, hari ini.

Media hari ini melaporkan, sistem penyelenggaraan sektor pengangkutan awam masih di takuk 'kelas ketiga' walaupun kini negara mempunyai kemudahan kelas pertama.

Menteri Pengangkutan, Anthony Loke, ketika berucap pada lawatan kerja ke Kompleks Pusat Kawalan Trafik Udara Kuala Lumpur (KLATCC) kelmarin, berkata demikian ketika merujuk perkhidmatan LRT laluan Kelana Jaya yang kerap tergendala sejak kebelakangan ini ekoran sistem yang usang.

Katanya, semua pengangkutan awam negara perlu membudayakan sistem penyelenggaraan supaya teknologi kemudahan kelas pertama yang dikecapi rakyat ketika ini tidak terkebelakang dalam tempoh 10 hingga 20 tahun akan datang.

Teik Hua berkata, jika masalah ini tidak diselesaikan, pengangkutan awam akan mengalami kerosakan lebih teruk.

Beliau menyifatkan Malaysia mempunyai pembelian kelas pertama tetapi penyelenggaraan masih di tahap kelas ketiga.

Sementara itu, pakar bidang kejuruteraan pengangkutan, Prof Datuk Dr Ahmad Farhan Mohd Sadullah pula menyifatkan aktiviti penyelenggaraan di Malaysia secara umum masih lemah, bukan saja untuk pengangkutan awam, tetapi juga untuk jalan, bangunan, infrastruktur dan kemudahan lain.

"Perkara ini memberi kesan kepada kualiti perkhidmatan perkhidmatan awam yang diberikan dan situasi ini tidak selari dengan konsep pembangunan mapan yang sering dikatakan dan diimpikan.

"Jadi, kerajaan perlu kenal pasti keperluan sebenar untuk membaik pulih dan membawa sistem pengangkutan awam ke tahap sepatutnya. Pelan perancangan dan kewangan perlu dirancang sebaiknya," katanya

Beliau berkata, penyelenggaraan berkala dan berjadual perlu dilakukan dengan memberikan peruntukkan secukupnya supaya tidak membebankan semua pihak terutama pekerja yang menggunakan pengangkutan awam di waktu puncak.